



## KENYATAAN MEDIA

### BANTUAN PENGAMBILAN PEKERJA DAN KURSUS LATIHAN DI BAWAH PENJANAKERJAYA

**KUALA LUMPUR** – Program Insentif Pengambilan Pekerja, **PenjanaKerjaya**, di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, akan bermula pada hari Isnin ini, 15 Jun 2020.

Dilaksanakan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) di bawah Kementerian Sumber Manusia, PenjanaKerjaya bertujuan merangsang pewujudan pekerjaan dan meningkatkan peluang pekerjaan.

Garis Panduan Permohonan serta Terma dan Syarat telah dikeluarkan kepada majikan pada hari ini dan boleh diperolehi di laman web PERKESO [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my)

Memandangkan PenjanaKerjaya akan mewujudkan banyak peluang pekerjaan, PERKESO menggesa individu yang masih menganggur termasuk graduan dan lepasan sekolah untuk mendaftar di portal **MyFutureJobs** ([www.myfuturejobs.gov.my](http://www.myfuturejobs.gov.my)) PERKESO. Pencari kerja yang memerlukan bantuan boleh menghubungi PERKESO atau hadir ke pejabat kami di seluruh negara di mana Kaunselor Kerjaya PERKESO bersedia untuk membantu.

Bagi majikan pula, Pegawai Perkhidmatan Majikan PERKESO bersedia memberi sokongan kepada majikan yang memerlukan bantuan seperti mendaftarkan kekosongan jawatan ataupun pengambilan pekerja.

Majikan yang mempunyai kekosongan jawatan di syarikat masing-masing, boleh mendaftarkan profil mereka di **[penjanakerjaya.perkeso.gov.my](http://penjanakerjaya.perkeso.gov.my)** mulai 15 Jun 2020. Apabila majikan telah mengambil pekerja melalui program ini, mereka mesti mendaftarkan pekerja-pekerja ini dengan PERKESO untuk caruman wajib.

Mulai 1 Julai 2020, majikan boleh memilih nama pekerja yang diambil di bawah program ini melalui [penjanakerjaya.perkeso.gov.my](http://penjanakerjaya.perkeso.gov.my) untuk kelulusan bayaran insentif. Insentif pengambilan pekerja akan dibayar pada bulan berikutnya setelah caruman PERKESO dibayar, bersama

dengan elaun mobiliti untuk pekerja yang layak, yang dibayar kepada pekerja melalui majikan mereka. Majikan hanya perlu memohon insentif untuk setiap pekerja yang diambil bekerja sekali sahaja dan pembayaran insentif pada bulan berikutnya (selama 6 bulan) akan dilakukan secara automatik.

Mulai 1 Julai 2020, jika perlu, majikan boleh memilih daripada senarai kursus yang diluluskan di [penjanakerjaya.perkeso.gov.my](http://penjanakerjaya.perkeso.gov.my) bagi latihan kemahiran dan peningkatan kemahiran untuk pekerja mereka yang diambil melalui program ini. Program latihan ini akan dilaksanakan dengan kerjasama Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB).

Melangkah ke hadapan, PERKESO kini sedang meneliti peluang berkolaborasi dengan pelbagai Agensi Perkhidmatan Pekerjaan Swasta untuk meningkatkan prospek pekerjaan untuk pencari kerja dan penganggur.

Untuk keterangan lanjut, sila rujuk Soalan Lazim di laman web rasmi PERKESO. Anda juga boleh hubungi nombor hotline di **03-8091 5300** (Isnin hingga Ahad) atau emel **[penjanakerjaya@perkeso.gov.my](mailto:penjanakerjaya@perkeso.gov.my)**

**DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED**  
**KETUA EKSEKUTIF**  
**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)**  
**14 JUN 2020**

**DISCLAIMER**

*PERKESO tidak akan bertanggungjawab atau bertanggungan bagi apa-apa kerugian yang terbit dalam kontrak, tort atau sebaliknya atas penggunaan atau pendedahan apa-apa data oleh mana-mana pihak bagi tujuan Pakej Rangsangan Ekonomi PRIHATIN 2020 yang melibatkan PERKESO seperti Program Subsidi Upah, Program Pengkalan Pekerjaan dan Program Saringan Prihatin PERKESO atau program-program lain yang berkaitan dengannya dan tidak akan bertanggungjawab atau bertanggungan sekiranya penggunaan atau pendedahan apa-apa data oleh mana-mana pihak bagi tujuan tersebut dilakukan oleh mana-mana pihak yang tidak diberi kuasa secara bertulis oleh PERKESO. PERKESO memandang serius terhadap keselamatan data peribadi dan meminta semua pihak supaya mematuhi peruntukan undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkait dengan perlindungan data peribadi.*